

Malaysia
Think
Tank
London

***Globalisasi membawa
kemakmuran***

Tom G Palmer

Diterbitkan oleh Malaysia Think Tank, London.
© Hakcipta terpelihara 2007

Hakcipta terpelihara 2007. Segala isi kandungan dokumen ini adalah hak milik penulis.

Malaysia Think Tank London
Suite 112,
456 – 458 Strand,
London WC2R 0DZ
United Kingdom

Web: www.malaysiathinktank.org
Email: info@malaysiathinktank.org

Semua pendapat yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah pandangan penulis.



Dr Tom G Palmer ialah Senior Fellow, Cato Institute dan Pengarah, Cato University.

Risalah ini diterjemahkan oleh Malaysia Think Tank London daripada tulisan asal Dr Tom Palmer bertajuk "Globalization is Grrrrreat!" terbitan Cato Institute (2002). Sebarang kekeliruan harus dirujuk kembali kepada risalah asal dalam Bahasa Inggeris. Sebarang kesilapan dalam penterjemahan, jika ada, adalah kelemahan penterjemah dan tidak melambangkan kekurangan dalam risalah asal. Malaysia Think Tank London mengucapkan terima kasih kepada Dr Tom Palmer kerana memberi kebenaran untuk menerbitkan risalah ini.

Ramai yang berhujah menggunakan emosi apabila berbicara mengenai globalisasi. Saya tidak mahu menggunakan emosi. Saya akan menggunakan hujah, logik dan bukti. Dalam membincangkan globalisasi, kita mesti memastikan sesuatu hujah itu boleh difikirkan, boleh disahkan dan boleh diperdebatkan. Cara terbaik untuk menarik hati seseorang ialah melalui akal fikiran mereka. Saya mahu berinteraksi dengan akal fikiran anda supaya anda sendiri boleh membawa hati dan perasan anda untuk menyebelahi kemanusiaan.

Golongan anti-globalisasi biasanya menggunakan perkataan globalisasi apabila merujuk kepada hampir semua perkara yang mereka benci. Tetapi, bagi saya, globalisasi bermaksud 'pengurangan atau penghapusan sekatan-sekatan yang dikenakan oleh kerajaan ke atas perdagangan merentas sempadan dan juga sistem pengeluaran dan pertukaran global yang semakin bersepadu dan semakin kompleks yang terhasil darinya'. Persoalan yang timbul ialah apakah kesan daripada globalisasi dan adakah ia mendatangkan faedah atau keburukan.

Dari segi polisi pula, persoalan penting yang timbul ialah wajarkah sempadan negara dijadikan penghalang kebebasan transaksi perdagangan merentas sempadan? Wajarkah penanam gandum di Amerika Syarikat dibenarkan membeli telefon bimbit yang dibuat di Finland? Wajarkah pengeluar pakaian di Ghana dibenarkan menjual barangan mereka kepada pekerja kilang kenderaan di Jerman?

Bagi saya, jawapannya ialah “Ya! Mereka harus dibenarkan berdagang dengan bebas”. Tetapi golongan anti-globalisasi – baik yang berhaluan kiri atau kanan, baik Ralph Nader atau Patrick Buchanan atau Jean Marie le Pen – mengatakan tidak. Sebelum saya menjelaskan kenapa saya berkata ya, saya ingin menjelaskan bahawa perbincangan ini bukan perbincangan mengenai angka dan statistik semata-mata tetapi ia merupakan perbincangan mengenai manusia, interaksi antara manusia, dan kehidupan manusia yang penuh bererti.

Untuk memberikan sedikit gambaran kemanusiaan terhadap perdebatan ini, izinkan saya menceritakan satu kisah. Saya mempunyai seorang rakan berbangsa Maya. Beliau mengajar antropologi di Guatemala. Beliau pernah membawa saya ke sebuah kawasan tanah tinggi yang didiami oleh bangsa Maya.

Beliau memberitahu saya bahawa ahli antropologi daripada Eropah dan Amerika Syarikat yang mahu mengkaji bangsa Maya ada yang merungut kerana wanita-wanita Maya tidak lagi memakai pakaian tradisional mereka. Pakaian tersebut cantik tetapi mengambil masa yang lama untuk disiapkan kerana ia dibuat dengan tangan dan memerlukan ketelitian. Wanita-wanita Maya kini hanya memakai pakaian tradisional mereka dalam upacara istimewa seperti

pembaptisan atau perkahwinan sahaja. Para pengkaji yang melawat menjadi bimbang kerana, menurut mereka, kebudayaan bangsa Maya telah dirompak. Menurut mereka, bangsa Maya adalah mangsa kepada globalisasi dan imperialisma budaya.

Para pelawat tersebut tidak pula bertanya wanita-wanita Maya sendiri kenapa mereka tidak lagi memakai pakaian tradisional. Rakan saya ada bertanya secara terus dan wanita-wanita Maya itu mengatakan bahawa mereka tidak memakai pakaian tradisional tersebut kerana pakaian itu kini menjadi terlalu mahal. Apakah maksudnya apabila pakaian buatan tangan menjadi terlalu mahal? Ertinya, nilai titik peluh dan usaha wanita Maya kini telah menjadi lebih berharga.

Mereka tidak lagi perlu menenun berjam-jam untuk menghasilkan satu pakaian untuk dipakai sendiri. Sebaliknya, mereka kini boleh menenun sehelai pakaian untuk dijual kepada wanita di Perancis, dan menggunakan wang yang diperolehi untuk membeli tiga pakaian – dan kaca mata, atau radio, atau ubat melawan penyakit denggi. Jika tidak membuat pakaian sekalipun, wanita Maya boleh melakukan pekerjaan lain, dan menggunakan wang yang diperolehi untuk membeli barang-barang lain yang mereka mahu. Mereka tidak dirompak. Tetapi mereka sebenarnya menjadi lebih berkemampuan. Mereka menjadi lebih kaya! Pastilah ini satu kebaikan.

Rakan saya itu menyatakan bahawa ada di antara golongan anti-globalisasi yang lebih gemar menjadi 'pelancong kemiskinan manusia'. Mereka melancong ke sana sini untuk menyaksikan kemiskinan dan mereka mahu mengekalkan kemiskinan itu. Golongan anti-globalisasi ini lebih suka mengambil gambar orang miskin yang berwarna-warni. Mereka tidak suka kepada

globalisasi kerana peluang 'melancong' tersebut telah hilang.

Maka, apabila kita bercakap mengenai globalisasi, kita harus mengingati golongan wanita tersebut yang kini hasil kerja tangan mereka menjadi lebih mahal sehingga tidak sesuai jika mereka sendiri memakai pakaian itu setiap hari. Mereka mendapat lebih banyak faedah apabila hasil kerja mereka dijual di pasaran dunia. Mereka ini adalah manusia yang mendapat impak terus daripada perdebatan kita mengenai globalisasi, baik impak positif mahupun impak negatif. Apabila kita membahaskan polisi, ingatlah kepada golongan miskin seperti ini. Apakah kesan polisi yang kita tetapkan terhadap mereka? Adakah mereka akan menjadi lebih kaya atau lebih miskin? Adakah jangka hayat mereka bertambah panjang atau semakin pendek?

MITOS MENGENAI GLOBALISASI

Globalisasi menghapuskan peluang pekerjaan. Polisi perdagangan sebenarnya tidak memberi impak kepada *bilangan* pekerjaan. Sebaliknya, ia memberi kesan kepada *jenis* pekerjaan. Perlindungan dan sekatan perdagangan meningkatkan bilangan pekerjaan dalam sektor import. Tetapi sekatan dan perlindungan turut mengurangkan bilangan pekerjaan dalam sektor eksport. Maksudnya, apabila import menjadi terlalu mahal akibat sekatan, kuota dan perlindungan tarif, maka bilangan pekerjaan hilang daripada industri-industri yang menghasilkan barangan eksport yang boleh ditukar dengan barangan import.

Eksport ialah harga yang kita bayar untuk import dan import pula adalah harga yang dibayar oleh negara asing untuk eksport kita. Jadi, jika kita menyekat import,

maka jumlah bayaran yang kita terima untuk eksport kita juga berkurangan, hingga akhirnya menyebabkan kita kehilangan pekerjaan dalam industri pengeksportan.

Globalisasi memindahkan modal ke tempat yang mana kadar gaji adalah paling rendah dan mengeksploitasi pekerja termiskin. Jika betul bahawa modal mengalir ke tempat yang mana kadar gaji adalah yang paling rendah, maka Burkina Faso dan lain-lain negara miskin sepatutnya mengalami kebanjiran pelaburan asing. Adakah ini berlaku? Mari kita lihat fakta sebenar.

Sepanjang tahun 1990-an, 81 peratus pelaburan asing Amerika Syarikat pergi ke tiga tempat: Kanada, Eropah Barat, dan Jepun. Negara membangun seperti Indonesia, Brazil, Thailand dan Mexico, yang mana kadar gaji di sana semakin meningkat, menerima 18 peratus. Dan negara-negara lain, termasuklah seluruh Afrika, berkongsi lebihan yang tinggal satu peratus lagi sahaja.

Realitinya, pelabur membuat pelaburan di tempat-tempat yang berpotensi membawa pulangan yang terbaik. Secara umumnya, potensi ini ditawarkan oleh negara-negara yang mana kadar gaji mereka adalah tinggi, bukan rendah. Sebagai tambahan, perniagaan yang ditubuhkan oleh pelabur asing biasanya membayar gaji yang lebih tinggi daripada syarikat tempatan kerana pelabur asing mahu menarik dan mengekalkan pekerja yang terbaik dalam negara itu.

Modal dipindahkan dari negara kaya ke negara dunia ke-tiga, di mana mereka menggunakan buruh dengan kos amat murah, yang seterusnya mengeluarkan barangan eksport murah untuk dihantar ke negara kaya. Ini menghasilkan surplus perdagangan, dan merosakkan industri pembuatan di negara kaya.

Akibatnya, semua pihak rugi. Saya sering mendengar tohmahan sebegini di kampus-kampus universiti. Hujah ini amat keliru hingga kadang kala saya sendiri tidak pasti bagaimana hendak mula menjawabnya.

Kita sebenarnya tidak mungkin boleh memiliki surplus akaun modal dan surplus perdagangan serentak. Jika eksport lebih tinggi daripada import, maka kita sebenarnya mendapat pulangan daripada daripada eksport kita. Apa yang diperolehi ialah hakmilik aset – atau pelaburan bersih – dalam negara yang menerima barangan eksport kita. Sebaliknya, import lebih daripada eksport – seperti apa yang dilakukan oleh Amerika Syarikat beberapa dekad kebelakangan ini – kita perlu menjual sesuatu kepada negara asing yang menghantar barangan kepada kita. Item yang kita jual adalah aset, contohnya saham dalam syarikat-syarikat.

Prinsip utama dalam hal ini ialah (Simpanan – Pelaburan) = (Eksport – Import). Golongan anti-globalisasi yang cuba menakut-nakutkan rakyat sebenarnya tidak faham unsur paling asas dalam perakaunan perdagangan antarabangsa.

Globalisasi menyebabkan standard penjagaan alam sekitar dan standard tenaga buruh menjadi rendah.

Satu lagi kesilapan ialah apabila kita menyangka bahawa modal berpindah ke tempat yang mempunyai standard alam sekitar dan tenaga buruh yang paling rendah. Kita perlu memeriksa fakta. Pelabur melabur di tempat yang menghasilkan pulangan paling baik. Biasanya, ini bermaksud mereka mencari tempat yang mempunyai tenaga buruh paling produktif, di mana rakyat biasanya lebih kaya. Rakyat yang lebih kaya biasanya menuntut kualiti alam sekitar dan kualiti tempat kerja yang lebih baik, bukan lebih buruk.

Ada dua kes yang biasa dijadikan hujah betapa kononnya perjanjian perdagangan bebas boleh merosakkan alam sekitar – kes ‘ikan tuna / ikan lumba-lumba’ dan kes ‘udang / penyu’. Sebenarnya, dalam kedua-dua kes ini, apa yang berlaku ialah globalisasi melahirkan perlumbaan untuk menjadi lebih baik, bukan sebaliknya. Banyak negara yang kini menggunakan standard Amerika Syarikat dalam usaha melindungi ikan lumba-lumba dan penyu.

Perkara yang sama juga berlaku dalam hal standard pekerjaan. Ramai yang mencari pekerjaan dalam syarikat milik pelabur asing kerana syarikat-syarikat asing biasanya membayar gaji yang lebih tinggi dan juga menawarkan kualiti tempat kerja yang lebih baik berbanding syarikat tempatan.

Globalisasi menghasilkan homogenasi budaya Amerika ke seluruh dunia. Memang benar bahawa Amerika Syarikat menjadi tarikan kepada ramai pihak. Golongan elit biasanya tidak suka perkara ini. Tapi, cuba kita fikirkan trend yang melanda dunia seperti Harry Potter daripada England, Pokemon dan Anime daripada Jepun, Bollywood daripada India, dan banyak lagi budaya yang bukan daripada Amerika. Semua ini sebenarnya memperkayakan kita dan memperkayakan satu sama lain. Itu belum lagi disebut mengenai masakan Siam dan lagu-lagu yang kita dengar dalam pelbagai bahasa.

Jika budaya disimpan dalam bekas kedap udara dan dihalang daripada berubah, maka ia bukan lagi kebudayaan manusiawi. Sebaliknya, ia menjadi barang pameran dalam muzium sahaja. Globalisasi sebenarnya memperkayakan budaya.

Globalisasi melahirkan ketidaksamaan.

Ketidaksamaan berlaku akibat daripada pelbagai faktor yang kompleks. Ada benarnya jika dikatakan bahawa globalisasi melahirkan ketidaksamaan kerana jurang antara negara-negara yang menyekat perdagangan dengan negara-negara yang mengamalkan ekonomi terbuka memang menjadi semakin besar. Tetapi ini bukan ketidaksamaan yang sering dimomokkan oleh penentang globalisasi!

Hakikatnya, dalam negara-negara yang membuka ekonomi mereka untuk menerima perdagangan dan pelaburan, jumlah golongan pertengahan (middle class) semakin meningkat. Ini bermaksud jurang pendapatan menjadi semakin kecil, bukan semakin besar.

FAEDAH GLOBALISASI

Globalisasi membawa keamanan kerana ia menghilangkan insentif untuk berkonflik. Sekatan perdagangan diasaskan kepada mentaliti dan polisi yang mempertekankan perbezaan kepentingan antara negara. Sebaliknya, perdagangan bebas menghubungkan negara-negara secara aman. Ada pepatah yang mengatakan bahawa jika perdagangan tidak boleh merentas sempadan, maka tentera akan merentasinya.

Perdagangan mencipta kekayaan. Bayangkan apa akan berlaku jika seorang perekacipta mencipta satu mesin. Jika kita memasukkan satu barang yang kita hasilkan dengan murah ke dalam mesin tersebut, mesin itu akan mengeluarkan pula barang yang kita kehendaki tetapi tidak mampu membuat sendiri kerana kos pembuatannya mahal. Oleh kerana kambing banyak di Australia, maka orang Australia boleh memasukkan kambing ke dalam mesin tersebut dan mesin itu akan

memberikan mereka kereta dan mesin fotokopi. Orang Jepun pula boleh memasukkan perakam video dan radio ke dalam mesin itu dan mereka akan mendapat minyak petroliam, gandum, dan kapal terbang. Perekacipta mesin itu pasti akan dijulang sebagai wira negara. Mesin itu sebenarnya memang wujud. Itulah dia pelabuhan!

Jika 'penemuan' ini diketahui oleh golongan anti-globalisasi seperti Ralph Nader atau Pat Buchanan, 'perekacipta' itu pasti akan dilabel sebagai pemusnah masyarakat, tidak patriotik, dan pemusnah peluang pekerjaan. Tetapi, jika kita kaji betul-betul, pasti kita menyedari bahawa banyak persamaan antara 'mesin' tersebut dengan perdagangan bebas.

Perdagangan membawa faedah kepada semua.

Kesilapan yang paling kerap dilakukann oleh golongan anti-globalisasi ialah dalam memahami kelebihan mutlak (*absolute advantage*) dengan kelebihan komparatif (*comparative advantage*). Sekalipun jika individu di hadapan saya lebih baik daripada saya secara mutlak dalam *semua* hal, dia dan saya masing-masing akan mendapat lebih banyak manfaat jika kami berdagang – dia mengkhususkan pengeluaran barangan yang dia boleh keluarkan dengan paling baik, dan saya pula mengkhususkan pengeluaran barangan yang saya boleh keluarkan dengan paling baik. Perdagangan membolehkan kami mendapatkan barangan yang paling baik daripada satu sama lain.

Satu lagi perbandingan yang boleh digunakan ialah antara peguam dan jurutaip. Katakanlah terdapat seorang peguam yang boleh menulis brif perundangan dengan baik dan juga boleh menaip lebih baik daripada seorang jurutaip. Dalam keadaan demikian sekalipun, adalah lebih berfaedah bagi kedua-dua pihak jika peguam itu mengkhususkan dirinya dalam menulis brif

perundangan dan membiarkan jurutaip menaip brif tersebut. Jika peguam itu mahu menulis dan turut mahu menaip, maka dia membazirkan masa kerana dia boleh memperolehi lebih banyak pendapatan jika dia membuat pengkhususan. Pengkhususan yang dibuat oleh peguam dan jurutaip menghasilkan jumlah output keseluruhan yang lebih tinggi dan jumlah pendapatan individu yang lebih tinggi berbanding jika tidak ada pengkhususan.

Inilah juga sebabnya kenapa perdagangan boleh membawa kepada perdamaian dan kemakmuran. Melalui perdagangan bebas, manusia melihat bahawa setiap individu manusia lain adalah rakan kongsi yang sama-sama mendapat faedah daripada kerjasama. Inilah yang menghasilkan masyarakat kemanusiaan, bukannya apabila manusia melihat satu sama lain sebagai persaingan. Perdagangan adalah batu asas kepada tamadun manusia.

Perdagangan bebas ialah jalan paling cepat untuk menghapuskan buruh kanak-kanak (child labour).

Terdapat kira-kira 250 juta pekerja kanak-kanak di seluruh dunia. Bilangan ini semakin turun – bukan meningkat – dengan bertambahnya perdagangan dan globalisasi. Mudah untuk kita fahami kenapa berlakunya penurunan ini.

Negara-negara miskin tidak menjadi miskin kerana kanak-kanak mereka bekerja. Sebaliknya, kanak-kanak terpaksa bekerja kerana mereka miskin. Apabila rakyat menjadi lebih berkemampuan hasil daripada pengeluaran dan perdagangan bebas, mereka akan menghantar anak mereka ke sekolah, bukan ketempat kerja. Perdagangan global ialah jalan paling cepat untuk menghapuskan buruh kanak-kanak dan menggantikannya dengan pendidikan.

Perdagangan, keterbukaan, dan globalisasi mendukung kerajaan yang bertanggungjawab, demokratis, dan mewujudkan keluhuran undang-undang. Bilangan negara-negara yang diiktiraf oleh Freedom House sebagai negara demokratik meningkat dengan drastik selaras dengan runtuhnya sekatan perdagangan. Di kalangan 40 peratus negara teratas dalam ranking *Economic Freedom of the World 2002* terbitan bersama Cato Institute, 90 peratus diiktiraf sebagai bebas oleh Freedom House. Sebaliknya, di kalangan 20 peratus terbawah, iaitu negara-negara yang ekonominya paling tertutup, tidak sampai 20 peratus diiktiraf sebagai bebas dan lebih 50% dikatakan tidak bebas oleh Freedom House.

Mexico ialah contoh yang baik. Pembukaan ekonomi Mexico melalui Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) membolehkan Vincente Fox menang dalam pilihanraya Presiden dan pecahnya monopoli kuasa oleh Institutional Revolutionary Party. Mereka yang mahukan keluhuran undang-undang dan mahukan kerajaan yang bertanggungjawab sepatutnya menyokong globalisasi.

Perdagangan bebas ialah hak asasi manusia. Golongan anti-globalisasi berpandangan bahawa mereka boleh menggunakan kuasa dalam menghalang anda dan saya bertukar barangan secara sukarela. Hak asasi sepatutnya sama bagi semua manusia. Hak untuk berdagang dengan bebas adalah satu hak asasi yang sepatutnya dimiliki oleh semua manusia, walaupun mungkin ada yang tinggal di seberang sempadan. Perdagangan bebas bukan satu keistimewaan. Ia satu hak asasi.

PENUTUP

Perdagangan adalah perkara yang unik buat manusia. Ia membezakan kita daripada binatang. Asas kepada perdagangan ialah kebolehan manusia berfikir dan kebolehan kita meyakinkan serta mempengaruhi orang lain. Adam Smith berkata dalam ucapan beliau pada 30 Mac 1763, *“The offering of a shilling, which to us appears to have so plain and simple a meaning, is in reality offering an argument to persuade one to do so and so as it is for his interest.”* Haiwan lain mungkin boleh bekerjasama, tetapi tidak ada haiwan yang berdagang. Haiwan lain tidak berdagang kerana binatang tidak mempunyai kebolehan untuk menggunakan akal untuk mempengaruhi haiwan lain.

Perdagangan bukan sahaja satu keunikan manusia, ia juga satu keunikan tamadun manusiawi. Dalam buku sembilan The Odyssey tulisan Homer, apabila Odysseus bercerita mengenai ketibaan di tanah Cyclops, dia memberikan sebab kenapa Cyclops merupakan makhluk ganas. Odysseus menyatakan:

*The Cyclops have no ships with crimson prows,
No shipwrights there to build them good trim craft,
That could sail them out to foreign ports of call,
As most men risk the seas to trade with other men.*

Cyclops merupakan makhluk ganas kerana ia tidak berdagang. Cyclops hidup dalam dunia yang disukai oleh golongan anti-globalisasi – sebuah dunia tanpa perdagangan, sebuah dunia di mana semua proses pengeluaran berlaku secara lokal.

Sekatan perdagangan perlu ditolak bukan sahaja kerana ia tidak efisien. Sekatan perdagangan juga perlu ditolak kerana ia boleh membawa kepada konflik dan peperangan. Sekatan perdagangan perlu ditolak kerana ia tidak bermoral dan tidak bertamadun.

About Malaysia Think Tank London

Malaysia Think Tank London seeks to create long-term change in Malaysia via public education programmes on personal responsibility, rule of law and market solutions. We are independent and non-partisan.

Our activities are aimed primarily at educating the public and future policy-makers. We may engage in contemporary policy debates but our main target is to influence public opinion in the long-run.

Malaysia Think Tank London believes that the principles expounded by towering figures like Ibn Khaldun and Friedrich Hayek – personal responsibility, rule of law and market solutions – must form the basis for development. These are the prerequisites of any successful society. We apply these principles when looking at issues, and we promote these values when proposing solutions.

While we appreciate that there are differences between individuals and between groups, we also believe it is important to look at the common, shared values rather than focusing on the differences. We therefore seek to produce proposals that can strengthen the whole of society, enriching society with ideas from various sources.

We do not identify ourselves to any particular race or religious grouping.

We believe change must come from within. Imposition will almost always face resistance and sometimes total rejection. We seek to influence the change process through our activities, particularly our publications and other direct public engagement programmes.

Malaysia Think Tank London is a company limited by guarantee with registered office in London. We are a non-profit organization and any surplus will be reinvested into projects. In addition to our base in London, we also operate from Washington D.C. and Kuala Lumpur. This gives us access to a wide-range of sources of knowledge and information, respected figures in contemporary progressive thoughts, respected think tanks, as well as current and future Malaysian policy makers at various levels.

Malaysia Think Tank London
Suite 112, 456 – 458 Strand
London WC2R 0DZ, United Kingdom
Email: info@malaysiathinktank.org
Web: www.malaysiathinktank.org

